

## **Kesesuaian Isi Kandungan, Masa, Alatan Dan Kemudahan Serta Kaedah Tunjukcara (Demonstrasi) Mengikut Perspektif Guru-Guru Kemahiran Hidup Sekolah Menengah Daerah Johor Bahru**

Abdul Rahim Hamdan & Asma Wati Sanip  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia.

**Abstrak :** Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesesuaian isi kandungan, masa, kemudahan dan alatan serta kaedah tunjuk cara (demonstrasi) bagi matapelajaran Kemahiran Hidup elektif Kemahiran Teknikal mengikut perspektif guru-guru Kemahiran Hidup di sekolah menengah daerah Johor Bahru. Kaedah penyelidikan adalah berbentuk diskriptif yang menggunakan soal selidik terhadap 40 sampel yang dipilih secara rawak. Data mentah dianalisis menggunakan perisian SPSS 11.5 untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min. Ujian-t digunakan bagi melihat perbezaan kesesuaian isi kandungan, masa yang diperuntukan, kemudahan dan alatan dan kesesuaian kaedah tunjuk cara (demonstrasi) antara jantina guru-guru Kemahiran Teknikal peringkat menengah rendah. Dapatan kajian menunjukkan guru-guru amat bersetuju bahawa isi kandungan sukatan Kemahiran Teknikal adalah bersesuaian untuk pelajar sekolah menengah rendah dengan jumlah min yang tinggi iaitu 3.82. Guru-guru juga bersetuju dengan masa yang diperuntukan iaitu dengan min yang sederhana (3.10) dan juga kemudahan dan alatan yang mencukupi bagi mata pelajaran Kemahiran Teknikal juga dengan jumlah min yang tinggi (3.79). Malahan kaedah pengajaran secara tunjuk cara dalam pengajaran Kemahiran Teknikal amat dipersetujui oleh guru-guru dengan mencatatkan jumlah min yang tinggi (4.10). Berdasarkan ujian-t yang telah dijalankan didapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kesesuaian isi kandungan, masa yang diperuntukan, kemudahan dan alatan yang mencukupi serta kesesuaian kaedah tunjuk cara (demonstrasi) antara jantina guru-guru mata pelajaran Kemahiran Teknikal peringkat menengah rendah. Kajian ini juga diharapkan dapat memberi panduan kepada pihak yang terlibat untuk memantapkan lagi proses pengajaran dan pembelajaran pada masa hadapan dan seterusnya melahirkan guru yang berketrampilan, berdedikasi dan beriltizam tinggi terhadap profesionalisme mereka.

*Katakunci :* isi kandungan, masa, alatan, kaedah tunjukcara, guru kemahiran hidup

### **Pengenalan**

Bagi menghadapi cabaran-cabaran Wawasan 2020, Kementerian Pelajaran Malaysia telah menyediakan aneka strategi bagi menangkis pandangan masyarakat yang memandang rendah terhadap Pendidikan Teknik khususnya Pendidikan Vokasional. Sehubungan dengan itu, Kementerian Pelajaran Malaysia telah mengkaji semula tentang peranan Pendidikan Teknik dan Vokasional dalam system pendidikan formal.

Matapelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu mula dilaksanakan pada tahun 1991 selaras dengan pelaksanaan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) adalah berupa hasil daripada perubahan kurikulum melalui pelaksanaan Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Dasar Pentadbiran Negara pada tahun 1979 dan kurikulum ini merupakan satu keseimbangan dan kesinambungan daripada Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR).

Matlamat pelajaran Kemahiran Hidup ialah untuk mendedahkan pelajar kepada aspek teknologi, perdagangan dan keusahawanan serta teknikal dalam kehidupan seharian. Lantaran itu

pra vokasional para pelajar boleh dikembangkan melalui penyelidikan untuk tujuan meningkatkan lagi teknologi dalam bidang pembuatan pada masa akan datang.

Telah menjadi wawasan kerajaan kita untuk menjadikan Malaysia sebuah negara industri, maka dengan itu para pelajar sepatutnya diberi pendedahan yang luas berkenaan dengan teknologi dan semua perkara yang berkaitan. Lantaran itu kemahiran yang diajar dalam sukatan matapelajaran Kemahiran Hidup dikatakan sedikit sebanyak dapat memenuhi kriteria tersebut.

Sukatan matapelajaran Kemahiran Hidup telah banyak melalui perubahan sejak dari tahun 1989 hinggalah kepada rombakan terbaru sukatan pada tahun 2002. Konsepnya masih sama iaitu mengandungi dua bahagian iaitu Teras dan Pilihan (Elektif). Dalam bahagian Teras mengandungi komponen Reka Bentuk dan Teknologi. Di dalam bahagian Pilihan pula mengandungi komponen Kemahiran Teknikal, Ekonomi Rumah Tangga, Pertanian dan Perdagangan dan Keusahawanan. Semua pelajar dari Tingkatan 1 hingga 3 diwajibkan untuk mempelajari komponen di dalam bahagian Teras manakala bahagian Pilihan pula mereka dibenarkan untuk memilih salah satu daripada setiap komponen yang ditawarkan.

### **Pernyataan Masalah**

Secara umumnya guru-guru Kemahiran Hidup sekolah menengah rendah dijangka dapat mendalami pengetahuan dan kefahaman mengenai matlamat matapelajaran Kemahiran hidup, menguasai isi kandungan sukatan pelajaran ini melalui strategi dan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta mempraktikkan pelbagai strategi pengajaran dan pembelajaran dengan berkesan di dalam bilik darjah.

Sukatan pelajaran Kemahiran Hidup (rombakan 2002) dirangka untuk mencapai tujuan tersebut. Walaupun struktur sukatan pelajaran ini merangkumi semua aspek yang perlu diajar oleh guru Kemahiran Hidup, namun adakah ianya bersesuaian dengan tahap pelajar menengah rendah dari segi isi kandungan, masa, kemudahan dan alatan yang mencukupi atau tidak atau serta kesesuaian kaedah pengajaran secara tunjuk cara (demonstrasi) dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Sejauh mana kesesuaian sukatan Kemahiran Hidup untuk pelajaran peringkat menengah rendah. Bagi menjawab persoalan tersebut, satu kajian yang terperinci dibuat bagi menilai kesesuaian sukatan pelajaran kemahiran Hidup untuk pelajaran menengah rendah mengikut pandangan guru-guru Kemahiran Hidup.

### **Objektif Kajian**

Dalam mengkaji masalah ini, beberapa objektif telah dikenalpasti bagi mengetahui kesesuaian sukatan Kemahiran Hidup mengikut pandangan guru-guru Kemahiran Hidup. Objektif khususnya ialah:

- i- Menenalpasti kesesuaian isi kandungan matapelajaran Kemahiran Teknikal bagi pengajaran dan pembelajaran peringkat menengah rendah.
- ii- Menenalpasti masa yang diperuntukkan sesuai bagi sesuatu sesi pengajaran subjek Kemahiran Teknikal peringkat menengah rendah.
- iii- Menenalpasti kemudahan dan alatan mencukupi bagi proses pengajaran dan pembelajaran subjek Kemahiran Teknikal peringkat menengah rendah.
- iv- Menenalpasti kesesuaian kaedah tunjuk cara (demonstrasi) dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Kemahiran Teknikal peringkat menengah rendah.

- v- Melihat perbezaan kesesuaian isi kandungan, masa yang diperuntukan, kemudahan dan alatan dan kesesuaian kaedah tunjuk cara (demonstrasi) antara jantina guru-guru mata pelajaran Kemahiran Teknikal peringkat menengah rendah.

### **Kepentingan kajian**

Melalui kajian ini diharapkan ianya dapat memberikan gambaran tentang kesesuaian sukatan pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu mengikut persepsi guruguru Kemahiran Teknikal di peringkat menengah rendah. Begitu juga semoga kajian ini dapat memberi panduan kepada beberapa pihak seperti:

**Guru :** Diharapkan dapatan kajian ini akan menjadi panduan kepada guru dalam melaksanakan dan memotivasikan diri khususnya dalam mempertingkatkan kesediaan guru dalam mengajar matapelajaran Kemahiran Teknikal.

**Kementerian Pelajaran Malaysia :** Mengatur langkah-langkah yang lebih berkesan dalam perancangan kurikulum pendidikan khususnya dalam merangka sukatan matapelajaran Kemahiran Hidup yang sesuai dan dapat dilaksanakan dengan berkesan oleh guru-guru.

**Jabatan Pelajaran Negeri :** Mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh guru matapelajaran Kemahiran Teknikal dalam menjamin matlamat Pendidikan Kemahiran Hidup dapat dicapai.

**Pentadbiran Sekolah :** Dapat kajian dapat membantu pihak sekolah dalam membuat perancangan atau tindakan bagi penyusunan jadual, penyelenggaraan bengkel dan pembahagian guru Kemahiran Hidup Bersepadu dengan lebih berkesan.

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian yang telah dijalankan merupakan kajian yang berbentuk deskriptif. Mohd Majid, (1993) menyatakan bahawa kajian deskriptif merupakan penyelidikan yang bermatlamat untuk mendapatkan maklumat yang sedang berlaku. Best dan Kahn (1998), turut mengakui bahawa kajian deskriptif ini dapat menerangkan dan menjelaskan perkara yang sebenar berlaku. Dalam reka bentuk kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah tinjauan yang berbentuk soal selidik. Dalam Majid (2000), kaedah tinjauan menerusi penggunaan soal selidik amat sesuai digunakan bagi mengumpul maklumat mengenai pembolehubah, malahan cara ini paling berkesan untuk mendapatkan maklumat tersebut. Dalam konteks kajian ini pembolehubah bebas ialah faktor kesesuaian sukatan mata pelajaran, peruntukan masa yang dibekalkan, kemudahan mengajar yang disediakan, penggunaan kaedah tunjukcara (demonstrasi) dalam pengajaran subjek Kemahiran Hidup pilihan Kemahiran Teknikal di peringkat Menengah Rendah.

### **Sampel Kajian**

Kajian ini dijalankan di sekolah menengah harian biasa di daerah Johor Bahru. Kajian ini melibatkan seramai 40 orang guru Kemahiran Teknikal yang mengajar di daerah Johor Bahru, Johor. Antara sekolah-sekolah yang terlibat adalah :

**Jadual 1 :** Senarai tempat kajian yang dijalankan dan bilangan sampel.

BIL	NAMA SEKOLAH	BIL SAMPEL
1	Sekolah Menengah Kebangsaan (P) Sultan Ibrahim	5
2	Sekolah Menengah Kebangsaan Skudai Baru	4
3	Sekolah Menengah Kebangsaan Kempas	3
4	Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Skudai	4
5	Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Impian Emas	3
6	Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Rini	4
7	Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Baru Uda	5
8	Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Universiti 1	3
9	Sekolah Menengah Kebangsaan Tasek Utara 2	5
10	Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Ismail	4
<b>Jumlah</b>		<b>40</b>

### **Instrumen Kajian**

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah menggunakan set soal selidik untuk maklumat dari responden. Soalan-soalan ini dibahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi 6 soalan bagi mendapatkan maklumat tentang diri responden. Bahagian ini menggunakan skala nominal bagi memudahkan responden menjawab dengan menanda pada kotak jawapan pilihan. Bahagian B terdiri daripada 40 item yang mewakili 4 pembolehubah kajian. 10 item mewakili pembolehubah isi kandungan sukatan mata pelajaran Kemahiran Teknikal untuk pengajaran dan pembelajaran peringkat menengah rendah. 10 item mewakili pembolehubah masa yang diperuntukkan sesuai untuk sesuatu sesi pengajaran subjek Kemahiran Teknikal peringkat menengah rendah. 10 item mewakili pembolehubah kemudahan dan alatan mencukupi bagi proses pengajaran dan pembelajaran subjek Kemahiran Teknikal peringkat menengah rendah dan 10 item mewakili pembolehubah kaedah tunjuk cara (demonstrasi) dalam mata pelajaran kemahiran teknikal peringkat menengah rendah.

**Jadual 2 :** Taburan soalan mengikut persoalan kajian

Persoalan Kajian	Nombor Item	Jumlah Item
Adakah isi kandungan matapelajaran Kemahiran Teknikal sesuai untuk pengajaran dan pembelajaran peringkat menengah rendah?	1,2,3,4,5,6 ,7,8,9,10	10
Adakah masa yang diperuntukkan sesuai untuk sesuatu sesi pengajaran subjek Kemahiran Teknikal peringkat menengah rendah?	11,12,13,14,15,16,17 ,18,19,20	10
Adakah kemudahan dan alatan mencukupi bagi proses pengajaran dan pembelajaran subjek Kemahiran Teknikal peringkat menengah rendah?	21,22,23,24,25,26,27 ,28,29,30	10
Adakah kaedah tunjuk cara (demonstrasi) sesuai dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran kemahiran teknikal peringkat menengah rendah?	31,32,33,34,35,36,37 ,38,39,40	10

Jawapan kepada soal selidik bahagian B menggunakan Skala Likert yang mengandungi lima aras iaitu sangat tidak setuju (STS), tidak setuju (TS), tidak pasti (TP), setuju(S) dan sangat setuju (SS).

Responden dikehendaki menjawab dengan menandakan skor yang terdapat pada jawapan yang disediakan. Jika responden sangat setuju dengan kenyataan yang diberikan, mereka akan menanda dengan membulatkan jawapan pada ruang jawapan skor 5. Jika responden sangat tidak setuju mereka akan menanda dengan membulatkan jawapan pada skor 1. Responden dikehendaki menanda hanya satu skor sahaja iaitu yang paling sesuai bagi item berkaitan.

### **Kajian Rintis**

Satu kajian rintis diadakan di Sekolah Menengah Tunku Abdul Majid, Majidee, Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Tebrau dan Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Molek, Johor Bahru. Kajian rintis ini menggunakan item-item dalam borang soal selidik yang akan digunakan sebagai alat pengumpulan data untuk kajian ini. Kajian rintis ini bertujuan untuk menguji keesahan dan kebolehpercayaan item-item yang dikemukakan di samping dapat memperbaiki sebarang kelemahan yang timbul semasa kajian rintis ini dijalankan. Hasil dari kajian rintis ini dianalisis menggunakan perisian SPSS (Statistical Package of Social Science for Windows) Release 11.5.

Analisis data kajian rintis menggunakan statistik Alpha Cronbach iaitu 'reability coefficient' atau pekali kebolehpercayaan untuk menguji keesahan dan kebolehpercayaan item. Jadual di bawah menunjukkan nilai pekali Alpha Cronbach, jika nilai alpha menghampiri 1 bermakna kebolehpercayaan amat tinggi, baik dan berkesan. Jika nilai antara 0.6 hingga 0.7 ia boleh diterima dan jika melebihi 0.8 adalah sangat baik.

**Jadual 3 : Nilai Statistik Alpha Cronbach**

Nilai	Tahap
0.0 – 0.2	Rendah (ubah ke semua item)
0.2 – 0.8	Sederhana (ubah sebilangan item)
0.8 – 1.0	Tinggi (item boleh diterima)

(Ubahsuai dari Mohd Najib, 1998)

Kajian rintis telah dijalankan ke atas 10 orang guru di tiga buah sekolah tersebut. Dari kajian rintis yang dijalankan nilai alpha yang diperolehi adalah 0.742 dan beberapa perubahan telah dibuat bagi memantapkan soalan yang dikaji. Jadual di bawah menunjukkan item persoalan kajian yang telah diubah suai setelah kajian rintis dijalankan dengan nasihat penyelia.

**Jadual 4 : Item Persoalan Kajian Yang Telah Diubah Suai**

No item	Item semasa Kajian Rintis	Item Selepas Kajian Rintis
3	Isi kandungan Kemahiran Teknikal membolehkan pelajar melibatkan diri secara aktif dan selamat dalam F&P	Isi kandungan Kemahiran Teknikal menggalakkan pelajar-pelajar meningkatkan minat terhadap pembelajaran mata pelajaran iri.
10	Tajuk yang dipilih untuk setiap tahap dapat diaplikasikan mengikut kebolehan pelajar tersebut.	Isi kandungan yang disusun adalah bersesuaian dengan tahap pelajar.
30	Ruang kerja di dalam bengkel selesa untuk proses kerja amali.	Meja kerja yang terdapat di dalam bengkel Kemahiran Hidup selesa untuk pelajar menjalankan kerja amali.
40	Pelajar akan lebih cepat menyiapkan kerja amali sekiranya saya melakukan kaedah demonstrasi dalam pengajaran	Pelajar akan merasa lebih yakin dan berani untuk melakukan amali sekiranya saya melakukan pengajaran menggunakan kaedah demotrasi

### Analisis Keseluruhan Persoalan Kajian

**Jadual 5 : Analisis Keseluruhan dan tahap Penilaian Persoalan Kajian**

No	Persoalan Kajian	Bilangan Item	Min	Tahap
1	Kesesuaian Isi kandungan	10	3.82	Tinggi
2	Kesesuaian masa	10	3.10	Sederhana
3	Kesesuaian alatan dan kemudahan	10	3.79	Tinggi
4	Kesesuaian kaedah tunjukcara	10	4.10	Tinggi
	<b>Purata min</b>		<b>3.70</b>	<b>Tinggi</b>

Merujuk kepada jadual 5 di atas, purata min yang diperoleh untuk kajian ini ialah 3.70. Ini menunjukkan bahawa dapatan kajian ini berada pada tahap tinggi. Min tertinggi ialah persoalan kajian keempat untuk kaedah pengajaran tunjukcara (demonstrasi) dalam proses pengajaran dan pembelajaran Kemahiran Teknikal. Secara keseluruhannya responden bersetuju dengan semua item persoalan kajian iaitu isi kandungan yang sesuai dan alatan serta kemudahan mencukupi, masa yang mencukupi serta kaedah pengajaran secara tunjukcar adalah sesuai.

**Jadual 6 : Analisis Keseluruhan Dapatkan ujian-t bagi setiap Persoalan Kajian**

No	Persoalan Kajian	Aras Signifikan	Keputusan
1	Kesesuaian Isi kandungan	0.394	Ho diterima
2	Kesesuaian masa	0.129	Ho diterima
3	Kesesuaian alatan dan kemudahan	0.979	Ho diterima
4	Kesesuaian kaedah tunjukcara	0.835	Ho diterima
	<b>Keputusan keseluruhan</b>	<b>Tiada perbezaan antara jantina</b>	

Berdasarkan jadual 6 analisis keseluruhan dapatkan ujian-t bagi setiap persoalan kajian didapati melebihi aras signifikan 0.05. Ini bermakna kesemua Ho diterima iaitu tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara jantina guru-guru Kemahiran Teknikal.

### **Perbincangan Dan Rumusan Dapatkan Kajian**

Responden adalah terdiri daripada guru-guru Kemahiran Hidup yang mengajar matapelajaran Kemahiran Teknikal peringkat menengah rendah di 10 buah sekolah menengah terpilih di daerah Johor Bahru seramai 40 orang.

Dari segi jantina pula didapati bahawa bilangan guru perempuan adalah lebih ramai berbanding guru lelaki di mana guru perempuan seramai 29 orang manakala guru lelaki hanya 11 orang yang menjawab soal selidik kajian ini. Ini mungkin disebabkan responden guru perempuan lebih sabar untuk menjawab soal selidik berbanding responden guru lelaki.

Berdasarkan dapatkan kajian didapati bahawa guru yang mengajar kurang daripada 10 tahun adalah lebih ramai berbanding guru yang mengajar lebih daripada 10 tahun. Ini mungkin disebabkan jumlah guru baru yang dikeluarkan setiap tahun adalah lebih ramai.

Berdasarkan dapatkan yang diperolehi didapati bahawa isi kandungan matapelajaran Kemahiran Teknikal sesuai untuk sesi P&P peringkat menengah rendah. Ini ditunjukkan berdasarkan kepada nilai min yang diperolehi iaitu 3.82 yang mana ianya berada pada tahap tinggi sepertimana mengikut Mohd Najib Ghafar, (1998). Majoriti guru bersetuju dengan pernyataan ini dan ianya diperjelaskan lagi oleh Ramachandran dan Azni Jaffar (2003) di dalam jurnalnya, berdasarkan kepada persepsi guru-guru KH berkaitan dengan isi kandungan matapelajaran Kemahiran Hidup, di mana majoriti guru-guru amat bersetuju dengan bahawa isi kandungan Kemahiran Hidup adalah relevan dan seiring dengan Falsafah Pendidikan Negara.

Berdasarkan dapatkan ujian -t, nilai signifikan adalah 0.394 melebihi aras signifikan 0.05. Ini menunjukkan bahawa Ho1 diterima. Oleh itu tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kesesuaian isi kandungan bagi mata pelajaran Kemahiran Teknikal peringkat menengah rendah antara guru lelaki dan perempuan.

Masa yang diperuntukkan sesuai bagi sesuatu sesi pengajaran subjek Kemahiran Teknikal peringkat menengah rendah dari perspektif guru-guru Kemahiran Hidup berada pada tahap sederhana iaitu nilai skor min yang diperolehi adalah sebanyak 3.10

Daripada dapatkan kajian, purata peratus keseluruhan yang bersetuju adalah 19.4%. Guru-guru yang tidak bersetuju dengan item yang menjelaskan jumlah masa pengajaran yang diperuntukkan adalah mencukupi adalah 77.1%. Item yang menjelaskan bahawa kebanyakan

pelajar memerlukan lebih masa untuk menyiapkan kerja amali dan guru memerlukan lebih masa untuk menyediakan alatan dan bahan untuk kerja amali mendapat nilai peratusan yang paling tinggi iaitu 60%. Ini menunjukkan masa lebih diperlukan untuk sesuatu kerja amali dalam sesi pengajaran dan pembelajaran.

Berdasarkan dapatan ujian –t, nilai signifikan adalah 0.129 melebihi aras signifikan 0.05. Ini menunjukkan bahawa Ho 2 diterima. . Oleh itu tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kesesuaian masa yang diperuntukan bagi mata pelajaran Kemahiran Teknikal peringkat menengah rendah antara guru lelaki dan perempuan.

## **Rujukan**

- Azizah Abdul Rahman & Fowziah Bakar (1991). *Pendidikan Vokasional dalam Reformasi*.  
Azizi Yahaya Dan Rakan-rakan. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Professional Sdn Bhd  
*Pendidikan di Malaysia*. Satu Analisis. *Jurnal Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia* 37 (78): 56-67.  
Che Wa Saad (1997), *Satu Tinjauan Tentang Beban Tugas Guru Kemahiran Hidup Bersepadu Sekolah Rendah di Daerah Pekan, Pahang*. Projek Sarjana Muda. UTM.  
Garrison, Friedenber. (1991). *Planning Inservice Teacher Education: Promising Alternatives*, Bethesda, Md.: ERIC Document Reproduction Service.  
Hassan Langgulung(1986). *Manusia Dan Pendidikan*. Jakarta: Penerbit A. Husna.  
Jaafar Mohd Amin (1995). *Peranan Guru: Ke Arah Peningkatan Mutu Pengajaran*. *Jurnal Guru* : Sinar Budi. Keluaran Disember 1994. Hlm 1-6.  
*Kamus Dewan Edisi Ke Tiga* (1989). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.  
Kementerian Pendidikan Malaysia ( 1979 ). *Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pelajaran*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.  
Musa bin Daia(1992). *Kaedah dan Teknik Pengajaran*. *Johor Bahru*: Badan Store Sdn Bhd.  
Noraziah Abdul Hamid. (1981). *Alatan Mengajar Dalam Pengajaran Bahasa Malaysia*. Seminar Penggunaan. Dis. 26 –30 Universiti Malaya.  
Pusat Perkembangan Kurikulum (1990a). *Huraian Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah Tingkatan II. Kemahiran Hidup Bersepadu*. Kuala Lumpur. Pusat Perkembangan Kurikulum, Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia.  
Sharifah Alwiyah Alsagof (1986). *Sosiologi Pendidikan*. Kuala Lumpur:  
Heineman.Stufflebeam,D.l. et. al(1971). *Educations evaluation and decission making*. Itaca 11. Peacock.  
Stufflebeam,D.l. et. al(1971). *Evaluation Model:Viewpoints on Educational and Human Services Evaluatio*”.Kluwer-Nijhoff Publishing.Boston.  
T. Marimuthu. (1989). *Pengenalan Sosiologi Pendidikan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.  
Universiti Teknologi Malaysia (2007). *Panduan Menulis Tesis Universiti Teknologi Malaysia*. Skudai: Pusat Pengajian Siswazah.  
Wilson. (1959). *Reform Of Technical Vocational Education In Indonesia & Malaysia ( Research)*